

NORANI A/P IMARA MUSA

[Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan, YAA Dato' Abas Bin Nordin (Pengerusi), YAA Dato' Dr. Haji Mohd. Na'im Bin Haji Mokhtar (Panel), YA Dato' Haji Hussin Bin Haji Harun (Panel) Pada 17 Julai 2020/25 Zulkaedah 1441H]

Kes Rayuan (*Mal*) No. 05000-043-0003-2019

[Permohonan pengisytiharan untuk meninggalkan agama Islam – subseksyen 61(3)(b)(x) dan 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [*Enakmen No. 10 tahun 2003*]]

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Kes ini adalah suatu rayuan terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Seremban, Negeri Sembilan yang telah dikeluarkan pada 13/3/2019 yang menolak permohonan Perayu melalui kes Mal No. 05100-043-0312-2015.

FAKTA KES

[2] Perayu Noraini A/P Imara Musa (No.K/P:870823-04-5154) yang beralamat penyampaian di No. 722, Taman Desa Permai, 71410 Pedas, Negeri Sembilan telah memfailkan permohonan untuk mendapatkan pengisytiharan daripada Mahkamah Tinggi Syariah sebagai bukan Islam pada 25/8/2015.

[3] Perayu dilahirkan pada 23/8/1987 di Hospital Besar, Melaka. Perayu merupakan seorang Islam dan berketurunan India Muslim. Bapa Perayu bernama Imara Musa A/L Bawamathen beragama Islam manakala ibu Perayu pula bernama Sharifah Malliga Binti Abdullah merupakan seorang muallaf. Dalam afidavit permohonannya Perayu menyatakan tiga (3) alasan untuk keluar daripada agama Islam seperti yang berikut:

- i) Saya tidak pernah diajar menganut agama Islam dan saya bukan seorang yang beragama Islam;

- ii) Saya dilahirkan dalam agama Islam tetapi saya membesarkan mengikut adat agama Hindu;
- iii) Kesilapan ibu bapa saya, menyebabkan saya mengalami masalah untuk masuk dalam agama Hindu dan saya tidak mahu benda yang sama berlaku kepada anak saya.

[4] Mahkamah Tinggi Syariah telah mengeluarkan keputusan seperti yang berikut:

1. *Mahkamah menolak permohonan Pemohon berdasarkan subseksyen 119(2)(2A)(i) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Pindaan) 2009 berhubung tempat lahir Pemohon.*

[5] Perayu tidak berpuashati dengan keputusan YA Hakim Bicara tersebut dan memfailkan Notis Rayuan pada 13/3/2019 tanpa menggunakan khidmat Peguam Syarie. Perayu telah memfailkan alasan rayuan pada 25/11/2019 manakala pada 22/6/2020 Perayu telah memasukkan hujahannya.

ULASAN MAHKAMAH RAYUAN

[6] Setelah kami meneliti keseluruhan Rekod Rayuan, kami dapati alasan rayuan di hlm. 34-39 Rekod Rayuan, tiada satu pun pernyataan yang boleh diambil kira oleh Mahkamah ini sebagai alasan rayuan yang menepati kehendak undang-undang melainkan berkenaan dengan latar belakang kehidupan Perayu semata-mata. Kami merujuk subseksyen 141(2) Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 [*Enakmen No. 14 tahun 2003*] yang menjelaskan berkaitan dengan Alasan Rayuan sebagaimana yang berikut:

“Alasan rayuan

(1)

(2) Tiap-tiap alasan rayuan hendaklah menyatakan dengan ringkas isi penghakiman yang dirayukan itu dan hendaklah mengandungi butir-butir yang jelas tentang undang-undang atau fakta-fakta yang mengenainya rayuan itu dibuat dan, kecuali dengan kebenaran Mahkamah yang mendengar rayuan

itu, perayu tidak boleh dibenarkan semasa pendengaran rayuan itu bersandar kepada apa-apa alasan selain alasan-alasan yang dinyatakan dalam alasan rayuan itu.”

[7] Selanjutnya di akhir penghakiman, YA Hakim Bicara telah menolak permohonan Pemohon (Perayu) berdasarkan subseksyen 119(2)(2A)(i) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2009 berhubung tempat lahir Pemohon dan memtuskan Pemohon tidak mempunyai *locus standi* dalam permohonannya di Negeri Sembilan.

[8] Justeru itu, kami berpendapat hanya satu (1) isu yang sahaja yang perlu diberi perhatian dan diulas iaitu **sama ada Perayu mempunyai hak dari segi undang-undang dan hukum syarak untuk memfailkan permohonan di Negeri Sembilan atau sebaliknya.**

[9] Sebelum kami mengulas lanjut, suka kami merujuk firman Allah SWT dalam surah Ali-‘Imran ayat 85 yang berbunyi –

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ
الْخَسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Bermaksud: “Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.”

[10] Berdasarkan firman Allah SWT di atas, kami menegaskan bahawa setiap Muslim berkewajipan menjaga agama Islam kerana ia adalah turutan pertama dalam tertib Maqasid As-Syariah, mendahului kewajipan menjaga nyawa, akal, keturunan (zuriat), maruah dan harta. Berbalik kepada kes rayuan di hadapan kami, permohonan Perayu sebelum ini adalah berkenaan dengan pengisytiharan untuk keluar daripada agama Islam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [Enakmen No. 10 tahun 2003] dan pindaan seksyen 119 Enakmen yang sama pada tahun 2009.

[11] Kami dapati dalam peruntukan seksyen 119, seseorang Islam yang berhasrat untuk keluar daripada agama Islam hendaklah mendapatkan suatu

pengisytiharan daripada Mahkamah Tinggi Syariah dan mematuhi semua kehendak subseksyen (2) hingga (11) meliputi nasihat untuk bertaubat, menghadiri sesi rundingcara dan bimbingan serta laporan berkaitan dengannya. Namun, jika dirujuk kepada peruntukan baharu yang dipinda terhadap seksyen 119 terdapat peruntukan khusus tentang “*locus*” bagi seseorang yang berhasrat untuk keluar Islam iaitu subseksyen 119(2A)(i), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2009 [*Enakmen A4*] jelas menyatakan seperti yang berikut:

“(2A) *Suatu permohonan bagi pengisytiharan di bawah subseksyen (2) boleh dibuat jika –*

- (i) ***Pemohon dilahirkan sebagai seorang Islam, dia hendaklah dilahirkan dan domisil di dalam Negeri Sembilan; atau***
- (ii) *Pemohon seorang mualaf, dia hendaklah memeluk Agama Islam di dalam Negeri Sembilan, telah berdaftar mengikut peruntukan seksyen 111 dan domisil di dalam Negeri Sembilan.”*

[12] Kami telah meneliti Nota Keterangan prosiding kes ini di hlm. 9-21 Rekod Rayuan, dapatan kami bahawa YA Hakim Bicara telah membicarakan permohonan Perayu dengan mengambil keterangan Perayu berserta dua (2) orang saksi. YA Hakim Bicara juga telah mengarahkan Perayu untuk menghadiri sesi kaunseling di Jabatan Mufti Negeri Sembilan. Berdasarkan laporan yang diterima daripada Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Perayu telah menjalani sebanyak sepuluh (10) sesi kaunseling mulai 8/1/2016 dan berakhir pada 31/3/2017. Seterusnya YA Hakim Bicara telah memutuskan bahawa Perayu tidak mempunyai *locus standi* dalam permohonannya disebabkan Perayu tidak dilahirkan di Negeri Sembilan, sebaliknya Perayu lahir di Hospital Besar Melaka.

[13] Kami ingin membuat teguran terhadap tindakan YA Hakim Bicara yang tidak sepatutnya mengarahkan Perayu untuk menghadiri sesi kaunseling memandangkan Pemohon tidak mempunyai *locus standi* untuk meneruskan permohonannya, maka adalah wajar untuk Mahkamah menolak permohonan Perayu di peringkat awal lagi tanpa perlu Perayu menjalani proses seterusnya.

[14] Dalam hal ini, “*locus standi*” dari segi bahasa bermakna *place of standing*, atau secara mudah ia bermakna status atau kedudukan. Dari segi undang-undang ia bermaksud status atau kedudukan seorang Plaintiff untuk memulakan suatu prosiding di Mahkamah. Dalam kes Abdul Razak Ahmad lwn. Kerajaan Negeri Johor [1994] 3 AMR 2463, di mana YA Hakim menyatakan bahawa untuk membuktikan *locus standi*, Plaintiff mestilah mampu membuktikan tiga perkara:

- i. Plaintiff ada hak yang diiktiraf di bawah undang-undang;
- ii. hak Plaintiff itu telah dilanggar atau dinodai; dan
- iii. Plaintiff telah mengalami mudarat disebabkan pelanggaran haknya itu.

[15] Berdasarkan rujukan di atas, kami juga berpendapat bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan tersebut kerana Perayu gagal membuktikan bahawa dia mempunyai hak di sisi undang-undang untuk memulakan tindakan di Mahkamah. Fakta ini jelas boleh dilihat melalui dokumen yang telah diekshibitkan oleh Perayu dalam affidavit permohonannya iaitu Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran yang ditandakan sebagai N-1 dan N-2 bahawa Perayu tidak dilahirkan di Negeri Sembilan. Berhubung dengan bidang kuasa sesebuah Mahkamah sebenarnya telah lama disentuh oleh perundangan Islam atau Hukum Syarak. Antaranya sebagaimana dinyatakan oleh *Muhammad Salam Madkur di dalam kitabnya berjudul Al-Qada’ fil Islam, terbitan Matbaah Al ‘Aalamiyah, Kaherah, 1964, hlm. 54* beliau menyebutkan –

هو أن يخصص ولي الأمر القاضى عند تقليده القضاء أو بعد ذلك
بنوع معين من القضايا، كالأحوال الشخصية، أو المدنى، أو
التجارى، أو الجنائى إلى غير ذلك، فلا يصح له أن ينظر فى
نوع آخر غيره

Maksudnya: “Bidangkuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidangkuasa ke atas seseorang Hakim semasa perlantikan Hakim itu atau selepas perlantikan dibuat dengan menentukan bahawa Hakim itu mempunyai bidangkuasa tertentu sahaja seperti diberi bidangkuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang

sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; oleh yang demikian Hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang dianya diberi bidangkuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa lain yang tidak diberi kepadanya.”

[16] Dalam kitab *Dr. Abdul Karim Zaidan dalam kitabnya Nizam al-Qadha' Fi Syariat al-Islamiyyah, Muassah al-Risalah, Beirut, Lebanon, cetakan ketiga, 1418H/1997M, hlm. 39-40* menjelaskan bahawa seseorang hakim itu adalah merupakan naib khalifah kepada khalifah (penguasa negara) yang melantiknya. Sebagai naib khalifah, kuasa yang diperolehinya adalah setakat yang diberi mandat kepadanya. Dari sinilah bidangkuasa seseorang hakim itu menerima taqyid (pembatasan), itlaq (tanpa had), umum dan khusus dari segi masa, tempat, pihak yang bertikai dan jenis-jenis pertikaian. Para fuqaha menggunakan istilah al-taqlid al-'am wa al-taqlid al-khas bagi menunjukkan bidangkuasa seseorang hakim.

[17] Berdasarkan ulasan di atas dan peruntukan undang-undang, kami berpuashati bahawa YA Hakim Bicara tidak terkhilaf memutuskan bahawa Perayu tidak mempunyai *locus standi* untuk memfailkan permohonannya di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan kerana terdapat halangan di sisi undang-undang. Maka adalah wajar untuk YA Hakim Bicara menolak permohonan tersebut.

KEPUTUSAN

SETELAH kami meneliti Notis Permohonan dan Afidavit Pemohon serta hujahan Perayu, MAKA kami dengan sebulat suara memutuskan seperti yang berikut:

1. Rayuan Perayu adalah **DITOLAK**.

Dibaca dan ditandatangani oleh:-

-
1. **YAA DATO' ABAS BIN NORDIN**
Pengerusi
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Dipersetujui oleh:-

-
2. **YAA DATO' DR. HAJI MOHD. NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Dipersetujui oleh:-

-
3. **YA DATO' HAJI HUSSIN BIN HAJI HARUN**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan